

## SUARA ANDA

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

<b>Maklumbalas Bagi Tahun 2016</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Penghantar</b>	<b>Maklumbalas</b>	<b>Jawapan</b>
1.	Nur Ainon Binti Zakaria 22/1/2016	Assalamu'alaikum. Mengapakah Fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri tentang sesuatu isu adalah berbeza-beza? Mohon pencerahan jabatan. Terima kasih.	Walaikumsalam. Sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri adalah bergantung kepada keputusan mesyuarat fatwa yang dianggotai oleh Ahli Mesyuarat Fatwa negeri tersebut. Ia juga perlu mendapat perkenan DYMM Sultan sebagai Ketua Agama negeri (bagi negeri-negeri bersultan) sebelum diwartakan.
2.	Irfahaiza 14/2/2016	Assalamualaikum. Boleh ke orang luar nak ikut tengok anak bulan? Terima kasih.	Walaikumsalam. Puan boleh menghubungi pihak urusetia jabatan untuk maklumat lanjut. Sila hubungi kami di talian 05-2545332.
3.	Marina Ab Hamid 9/3/2016	Assalamu'alaikum w.b.t.. Bagaimanakah Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dipilih?	Walaikumsalam. Calon-calon bagi Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dibincang bersama oleh SS Mufti Perak, SS Timbalan Mufti Perak dan beberapa orang pegawai fatwa. Kemudian senarai ini dibawa ke Mesyuarat Fatwa Negeri Perak untuk mendapat persetujuan, sebelum dibawa menghadap DYMM Paduka Sri Sultan Perak untuk diperkenankan. Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa ini sah selama 3 tahun. Proses ini berulang setelah tamat tempoh 3 tahun.